

**Yayasan 1MDB Salur Bantuan RM100,000 Kepada Keluarga Menciang A.
Loganathan
Bernama
8 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Yayasan 1MDB akan menyalurkan bantuan kewangan RM100,000 kepada keluarga penyanyi kumpulan Alleycats, menciang Datuk A. Loganathan, yang rumah mereka terlibat dalam kebakaran Isnin lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sumbangan itu adalah sebagai menghargai jasa menciang dalam memartabatkan bidang seni di negara ini.

Beliau berkata sumbangan itu juga sebagai satu tanda kepada mereka yang banyak berjasa kepada negara yang bukan sahaja sebagai penghibur tapi mampu menyumbang kepada perpaduan nasional.

"Isteri menciang tentunya berada dalam keadaan sedih dan hilang harta benda.

"Sebagai menghargai jasa beliau, YMDB akan beri sumbangan RM100,000 kepada Datin Susan Loganathan dan anak-anak mereka," katanya ketika berucap pada majlis Karisma Ramadan 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, Rabu.

Tingkat atas rumah dua tingkat milik menciang Loganathan di Jalan Azyze Tanjung Bungah, Pulau Pinang musnah dalam kebakaran Isnin lepas.

Turut musnah dijilat api adalah koleksi piring hitam nyanyian menciang Loganathan sejak tahun 1980-an dan pelbagai barangan berharga seperti barang kemas serta wang tunai yang dianggarkan RM250,000.

Pada majlis malam ini, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan duit Hari Raya kepada 1,300 kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas dari institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Najib, yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menyampaikan sepersalinan baju raya kepada 280 kanak-kanak.

Dalam ucapannya, Najib mengajak rakyat di negara ini bersyukur dengan keadaan ekonomi negara yang mengalami pertumbuhan meskipun negara luar berdepan konflik dan krisis.

Katanya pencapaian ini bukan secara kebetulan tetapi berpunca daripada iltizam pimpinan kerajaan sejak dulu lagi untuk mentadbir negara dengan baik.

"Apabila kita dapat mewujudkan suasana yang aman dan tenteram, maka kerajaan dapat merancang agenda transformasi yang dipegang oleh kita.

"Jika tidak dapat mengurus tadbir ekonomi negara dengan baik, maka ianya adalah sukar untuk kita teruskan program membantu rakyat," katanya.

Turut hadir Timbalan Menteri Datuk Heng Seai Kie dan Ketua Setiausaha KPWKM Datuk Dr Noorul Ainur Mohd Nur.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686701>